

TARIKH	14 / 09 / 2016	SEKSYEN	PENGALIPAN TUNAI HAJI
MUKA SURAT	40	RUANGAN	

Tukar nama lepas balik haji



Gambar pasport Sidik yang digunakan sewaktu menunaikan haji pada 1952.



Gambar pasport ibu Sidik, Halimah yang digunakan sewaktu menunaikan haji 1952.

SIDIK berkata, semasa tiba di tanah suci dahulu, dia dimaklumkan oleh orang yang menguruskan jemaah haji di sana supaya menukar namanya kepada Mohd Yasin.

Katanya, kebiasaan mereka maklumkan nama yang dibawa (nama asal) tidak berapa elok, jadi perlu ditukar.

"Masyarakat dulu pun, bila jemaah balik dari haji pasti ramai yang akan bertanya, apa nama baru mereka?"

"Macam pakcik, bila orang tanya, pakcik jawab la nama pakcik

ke RM500 sahaja menaiki kapal berbanding ketika dia menunaikan haji kali kedua dengan kapal terbang.

"Perbelanjaan pergi haji naik kapal terbang masa 1987, tak silap pakcik RM3,000, sekarang tak tahulah berapa.

"Tapi kalau pakcik diberi pilihan, pakcik masih rela naik kapal laut sebab kalau naik kapal terbang pakcik gayat," katanya.

Sidik berkata, keadaan sekarang juga berbeza, jemaah semakin ramai dari seluruh negara.

Hanya tidur berbantalkan pasir

SIDIK yang pernah menjadi Nazir Masjid Kampung Sijangkang sekitar 1973 hingga 2008 berkata, setelah berjaya mengharungi pelbagai cabaran untuk tiba di tanah suci, dia dan jemaah lain sangat bersyukur.

Namun, katanya mereka terus diuji kerana pada masa dahulu kemudahan di sana sangat terhad dan tidaklah sebaik hari ini.

Pada ketika itu katanya, semua jemaah haji masih tidur atas pasir tetapi ada juga yang membawa kain sendiri untuk dijadikan alas.

"Ramai yang akan kaut pasir di

sekeliling untuk dijadikan bantal apabila nak tidur. Tak ada bantal empuk, hanya pasir.

"Ada ketika tu, pakcik pernah beberapa kali bantu orang Arab di sana memapah jemaah haji yang sakit untuk dibawa mendapatkan rawatan," katanya mengakui semua pengalaman itu tak dapat dilupakan dan sangat berharga.

Dia bagaimanapun sangat bersyukur semasa menunaikan haji kerana segala urusannya dipermudahkan dan tidak ada kejadian-kejadian tidak diingini menimpa diri

dan ibunya.

"Cuma zaman dulu nak pergi haji tu bila-bila boleh pergi sebab tak perlu tunggu giliran, cuma masa perjalanannya panjang dan memerlukan kesabaran yang sangat tinggi.

"Sebab tu ada yang sanggup tinggal di sana sehingga dapat menunaikan haji tahun berikutnya, barulah pulang semula ke negara mereka," katanya.

